DYMM SULTAN ALAEDDIN SULAIMAN SHAH IBNI ALMARHUM RAJA MUDA MUSA



1886 **1898** **1906** **1936**



DYMM Sultan Alaeddin Sulaiman Shah Ibni Almarhum Raja Muda Musa selepas ditabalkan menjadi Sultan Selangor pada 17 februari 1898 di hadapan istana Jugra. Baginda ditabalkan ketika berusia 33 tahun.

PENGENALAN SULTAN ALAEDDIN SULAIMAN SHAH IBNI ALMARHUM RAJA MUDA MUSA

- Diputerakan pada 11 September 1865 di Kampung Tengah, Kuala Selangor.
- Ayahanda – Almarhum Raja Muda Musa ibni Almarhum Sultan Abdul Samad.
- Bonda – Raja Buntal Raimah binti Raja Barkat.
- 1879-94 – dihantar belajar di Raffles Institute, Singapura.
- 17 Julai 1884 – Ayahanda baginda Raja Muda Musa mangkat Ketika baginda berusia 19 tahun.
- 3-10 Disember 1887 – Dilantik menjadi DYTM Raja Muda Selangor Ketika berusia 22 tahun.
- 31 Ogos 1889 – secara rasmi menerima warkah kuasa daripada Paduka Nenda sebagai DYTM Raja Muda Selangor.
- Mac 1891 - Istiadat perkahwinan baginda dengan YTM Tunku Mahrum.
- 13 Julai 1897 – Menjadi Presiden, DURBAR (Persidangan Raja-Raja Melayu pertama) Pembentukan Malay Agricultural Settlement.
- 17 Februari 1898 – Dimashurkan sebagai Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Selangor ke-5, Ketika berusia 33 tahun selepas kemangkatan Paduka Nenda, Almarhum Sultan Abdul Samad ibni Almarhum Raja Abdullah.

- 5 November 1903 – Ditabal secara rasmi sebagai Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Selangor yang ke-5. Baginda memerintah negeri Selangor dari tahun 1898 sehingga 1938.
- 11 September 1937 – sambutan Jubli Emas 40 tahun pemerintahan baginda sebagai Sultan Selangor.
- 31 Mac 1938 – Kemangkatan baginda Ketika berusia 73 tahun dan dimakamkan di Makam Diraja Klang dengan gelaran Marhum Atiqullah.
- Dikenali sebagai seorang Sultan yang berjiwa rakyat, berpewatakan alim & warak (diriwayatkan baginda selalu mengaji & belajar Al-Quran di Masjid Alaeddin & sering menyampaikan khutbah dalam solat Jumaat & juga khutbah Solat Hari Raya).
- Malah, baginda turut menulis kitab, iaitu Kitab Pohon Ugama, Bahagian Rukun Iman dan Kitab Melatih Kanak-Kanak Laki-Laki Perempuan, Agama Islam 1, selain turut berkebolehan mengarang syair.
- Antara ulama yang rapat dengan baginda ialah Tengku Mahmud Zuhdi Abdur Rahman Al-Fathani.
- Baginda juga sangat berkemahiran dalam ilmu pertanian dan pertukangan/ukiran. Rekaan bangunan Istana Bandar adalah dari cetusan idea baginda sendiri. Selain itu, baginda juga telah menyumbang idea dalam lakaran Bendera dan Jata Negeri Selangor yang terdapat di dinding batu, Istana Bandar.